

CADANGAN GARIS PANDUAN PENYERTAAN KE PAMERAN PERTANDINGAN PENYELIDIKAN PERINGKAT KEBANGSAAN (DALAM NEGARA) DAN ANTARABANGSA (LUAR NEGARA)

1.0 LATAR BELAKANG

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada semua kakitangan Akademik Universiti Malaysia Sabah mengenai penyertaan hasil penyelidikan dan inovasi ke Pertandingan Pameran Penyelidikan peringkat Kebangsaan (dalam negara) dan Antarabangsa (luar negara).

2.0 SINGKATAN

Singkatan yang digunapakai dalam garis panduan ini adalah seperti berikut:

BIL.	SINGKATAN	NAMA PENUH
1	UMS	Universiti Malaysia Sabah
2	PPPI	Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
3	PEREKA	Pertandingan Penyelidikan dan Rekaipta
4	JKPI	Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi
5	JKPHIP	Jawatankuasa Penilai Harta Intelekt dan Pengkomersilan

3.0 DEFINISI

Definisi yang digunapakai dalam garis panduan ini adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	DEFINISI
1	Inovasi	Merujuk kepada; (i) rekaipta yang hanya memenangi pingat Emas bawah Kategori Inovasi dalam PEREKA; (ii) rekaipta yang berpotensi dan telah mencapai satu tahap yang boleh diketengahkan di peringkat lebih tinggi dengan saranan dan kebenaran Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).

2	Pertandingan Pameran Penyelidikan	Merujuk kepada Pertandingan Pameran Penyelidikan Peringkat Kebangsaan atau Antarabangsa yang disertai oleh Universiti pada tahun semasa.
3	Peserta	Merujuk kepada kakitangan akademik UMS yang merupakan Ketua Projek atau wakil Ketua Projek bagi Inovasi, dan telah dilantik oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) untuk mewakili Universiti ke Pertandingan Pameran Penyelidikan.
4	Ketua Delegasi	Pelantikan Ketua Delegasi boleh daripada PPPI ataupun dari kalangan Peserta yang merupakan pensyarah paling kanan dalam delegasi tersebut.
5	Urusetia	Merujuk kepada kakitangan PPPI dan diketuai oleh Timbalan Pengarah (Inovasi) yang menyelaras dan mengurus penyertaan Peserta ke Pertandingan Pameran Penyelidikan.

4.0 SYARAT-SYARAT PENYERTAAN KE PERTANDINGAN PAMERAN PENYELIDIKAN PERINGKAT KEBANGSAAN (DALAM NEGARA)

Inovasi yang akan dipilih menyertai pertandingan pameran penyelidikan **peringkat kebangsaan (DALAM NEGARA)** perlu mematuhi syarat-syarat berikut:

- i. Inovasi telah memenangi **Pingat Emas** di bawah Kategori Inovasi dalam Pertandingan Penyelidikan dan Rekacipta (PEREKA) pada tahun sebelumnya;
- ii. Inovasi berkenaan telah selesai dan mempunyai produk yang siap sedia untuk dipamerkan atau dipertandingkan;
- iii. Inovasi berkenaan disahkan mempunyai keupayaan untuk pendaftaran harta intelek di bawah Perbadanan Harta Intelek Malaysia;
- iv. Inovasi berkenaan tidak memberikan implikasi negatif, bagi memelihara imej Universiti;
- v. Inovasi berkenaan memberi manfaat kepada masyarakat atau Negara;

- vi. Inovasi yang telah menjalani ujian serta mempunyai jaminan keselamatan dalam penggunaan mengikut piawaian yang berkaitan (sekiranya perlu);
- vii. Inovasi berkenaan telah melalui proses penilaian oleh Jawatankuasa Penilai Harta Intelek dan Pengkomersilan (JKPHIP) dan Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi (JKPI);
- viii. Peserta disarankan dan digalakkan untuk mencari rakan industri bagi tujuan pengkomersilan.

5.0 SYARAT-SYARAT PENYERTAAN KE PERTANDINGAN PAMERAN PENYELIDIKAN PERINGKAT ANTARABANGSA (LUAR NEGARA)

Inovasi yang akan dipilih menyertai pertandingan pameran penyelidikan **peringkat antarabangsa (LUAR NEGARA)** perlu mematuhi syarat-syarat berikut:

- i. Inovasi telah memenangi **Pingat Emas** atau **Anugerah Khas** di Pertandingan Pameran Penyelidikan peringkat Kebangsaan (Dalam Negara) pada tahun semasa atau tahun sebelumnya;
- ii. Inovasi berkenaan telah selesai dan mempunyai produk yang siap sedia untuk dipamerkan atau dipertandingkan;
- iii. Inovasi berpotensi untuk dikomersilkan;
- iv. Inovasi berkenaan disahkan mempunyai keupayaan untuk pendaftaran harta intelek dan didaftarkan di Perbadanan Harta Intelek Malaysia;
- v. Inovasi berkenaan tidak memberikan implikasi yang negatif bagi memelihara imej Universiti;
- vi. Inovasi berkenaan memberi manfaat kepada masyarakat atau Negara.
- ix. Inovasi yang telah menjalani ujian serta mempunyai jaminan keselamatan dalam penggunaan mengikut piawaian yang berkaitan (sekiranya perlu);
- x. Inovasi berkenaan telah melalui proses penilaian oleh Jawatankuasa Penilai Harta Intelek dan Pengkomersilan (JKPHIP) dan Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi (JKPI);
- xi. Peserta telah mengenalpasti rakan industri bagi tujuan pengkomersilan.

6.0 TANGGUNGJAWAB PESERTA

6.1 Sebelum Pertandingan Pameran Penyelidikan:

- i. Membuat penambahbaikan pada Inovasi;
- ii. Memohon perlindungan harta intelek bagi Inovasi;
- iii. Menjalankan *market survey* / *market validation (readiness to market)*;
- iv. Mengenalpasti rakan industri untuk tujuan pengkomersilan;
- v. Memberi kerjasama kepada Urusetia berkenaan perkara berkaitan penyelarasan penyertaan seperti pengisian borang penyertaan, penyediaan deraf poster dan perkara lain yang berkaitan;
- vi. Melengkapkan Borang Pendaftaran Aktiviti dalam Sistem I-Claim **sebelum** Pertandingan Pameran Penyelidikan bermula.

6.2 Semasa Pertandingan Pameran Penyelidikan:

- i. Mematuhi perancangan perjalanan yang telah disediakan oleh Urusetia;
- ii. Memaklumkan dan mendapatkan kebenaran Ketua Delegasi bagi sebarang perkara di luar jadual sepanjang tarikh pameran berlangsung;
- iii. Mematuhi masa pameran dan sentiasa berada di *booth* masing-masing semasa penilaian berlangsung;
- iv. Bertanggungjawab ke atas keselamatan Inovasi dan bahan pameran masing-masing.
- v. Kod pakaian sepanjang sesi pameran dan semasa majlis perasmian/ majlis penyampaian hadiah adalah **formal**.

6.3 Selepas Pertandingan Pameran Penyelidikan:

- i. Mematuhi tarikh akhir yang ditentukan untuk mengemukakan Tuntutan Perjalanan/ Laporan Pendahuluan Diri, iaitu dalam tempoh **satu (1) bulan** selepas tarikh tamat Pertandingan Pameran Penyelidikan;

- ii. Mengembalikan peralatan pameran yang dipinjam dari PPPI.

7.0 TANGGUNGJAWAB KETUA DELEGASI

- 7.1 Harus menyertai dan sentiasa berada di tempat pameran sepanjang pameran berlangsung;
- 7.2 Memastikan pergerakan delegasi mengikut perancangan perjalanan yang telah disediakan ;
- 7.3 Memastikan keberadaan Peserta di sepanjang program;
- 7.4 Memberi penerangan kepada delegasi Menteri atau tetamu kehormat;
- 7.5 Membuat keputusan segera berkenaan perkara atau hal-hal di luar jangkaan;
- 7.6 Menyediakan laporan pencapaian Inovasi yang dipertandingkan bagi tujuan hebahan kepada pihak media dalam/ luar UMS serta di ruangan rasmi media sosial UMS (*Facebook* dan *Instagram*);
- 7.7 Mematuhi tarikh akhir yang telah ditentukan oleh Urusetia untuk mengemukakan Laporan Pendahuluan Pelbagai (sekiranya ada), iaitu dalam tempoh **satu (1) bulan** selepas tarikh tamat Pertandingan Pameran Penyelidikan;

8.0 TANGGUNGJAWAB URUSETIA

- 8.1 Mengenalpasti Inovasi yang layak bertanding di Pameran Pertandingan Penyelidikan;
- 8.2 Membantu Peserta dalam pendaftaran harta intelek bagi Inovasi;
- 8.3 Menyediakan surat pelantikan Peserta;
- 8.4 Menyelaras pendaftaran Peserta ke Pameran Pertandingan Penyelidikan;
- 8.5 Mendapatkan *vendor* bagi kerja-kerja merekabentuk dan percetakan poster ;
- 8.6 Menempah tiket penerbangan dan hotel penginapan Peserta berdasarkan jadual perjalanan yang telah ditentukan ;

- 8.7 Membantu dalam penyediaan poster-poster Inovasi;
- 8.8 Menyediakan keperluan umum pameran;
- 8.9 Menyediakan Surat Sokongan Harta Intelek bagi Inovasi;
- 8.10 Memberi taklimat *Dos' and Donts* dan panduan berkenaan penilaian yang akan berlangsung;

9.0 KEWANGAN

- 9.1 Kos pembangunan Inovasi ditanggung sepenuhnya oleh Peserta, sama ada menggunakan geran penyelidikan atau sumber dana lain;
- 9.2 Perbelanjaan ke Pertandingan Pameran Penyelidikan seperti yang berikut akan dibiayai menggunakan peruntukan PPPI.
 - a. Pertandingan Pameran Penyelidikan Peringkat Kebangsaan (Dalam Negara):

BIL.	PERKARA	CATATAN
1	Tambang Kapal Terbang	Kelas Ekonomi (termurah)
2	Kos Yuran Penyertaan dan Penyediaan Poster	-
3	Hotel Penginapan	Tertakluk kepada kelulusan Naib Canselor/Pengurusan UMS dan jumlah bajet yang diluluskan
4	Elaun Makan	
5	Pengangkutan	

- b. Pertandingan Pameran Penyelidikan Peringkat Antarabangsa (Luar Negara):

BIL.	PERKARA	CATATAN
1	Tambang Kapal Terbang	Kelas Ekonomi (termurah)
2	Kos Yuran Penyertaan dan Penyediaan Poster	-
3	Hotel Penginapan	Tertakluk kepada kelulusan Naib Canselor/Pengurusan UMS dan jumlah bajet yang diluluskan
4	Elaun Makan	
5	Pengangkutan	

- 9.3 Bagi perkara 9.1 (b), Peserta dibenarkan untuk menggunakan Geran Penyelidikan dengan syarat-syarat berikut:
- i. Penggunaan geran untuk menghadiri Pameran dibenarkan oleh pihak Pembiaya Geran;
 - ii. Geran tersebut adalah berkaitan dengan Inovasi yang dipertandingkan;
 - iii. Mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada Pengarah PPPI.

10.0 HAL- HAL LAIN

- 10.1 Sebarang penarikan diri oleh Peserta haruslah dimaklumkan dengan segera kepada PPPI melalui surat rasmi.
- 10.2 Peserta dibenarkan untuk mewakili Penyelidik Bersama bagi projek tersebut yang merupakan staf Akademik UMS.
- 10.3 Urusetia hanya menyelaras tempahan tiket kapal terbang, pengangkutan dan hotel penginapan untuk **Peserta** sahaja. Sekiranya Peserta ingin menjemput penyelidik bersama atau pelajar ke Pertandingan Pameran Penyelidikan, segala urusan perjalanan harus **diselaras sendiri** dan **bukan di bawah tanggungjawab Urusetia**.
- 10.4 Sebarang permohonan penukaran masa/tarikh tiket kapal terbang atau hotel penginapan setelah tempahan dibuat adalah tidak dibenarkan.
- 10.5 Sebarang keputusan muktamad adalah tertakluk kepada budi bicara Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).